

Bil 4 Tahun 2011

# BULETIN

PERNIAGAAN ANDA BERMULA DI SSM



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA



ARTIS & SSM  
**BUKA BUTIK TUDUNG**



**IMBASAN**  
TAHUN 2011  
SSM MENDEKATI RAKYAT

**JOM KENALI**  
SKIM KEPENTINGAN  
**KERJASAMA PEMANGKIN**  
**KEJAYAAN SSM**

# NOTA PENGARANG



Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Pejam celik, pejam celik, kita sudah melangkah ke tahun baru 2012. Sekejap sahaja waktu meninggalkan kita. Yang pasti tahun 2011 diwarnai dengan pelbagai cerita dan nostalgia.

Mengimbau seketika aktiviti sepanjang tahun 2011, boleh dikategorikan sebagai satu kejayaan manis buat SSM. Kalau mengikut kronologinya, di awal tahun 2011, nama SSM telah diangkat ke satu tahap yang tinggi apabila diiktiraf oleh Ketua Setiausaha Negara melalui Mesyuarat Panel Pemantauan Perkhidmatan (3P) atas pencapaian promosi dan tindakan proaktif melalui Seksyen Perhubungan Awam (SPA) SSM dalam membantu meningkatkan promosi Sistem Penyampaian Awam Sepanjang tahun 2010.

Hatrik kejayaan SSM boleh dilihat selepas beberapa siri penganjuran berkonsepkan kemasyarakatan iaitu Program SSM Mendekati Rakyat yang diadakan negeri Pahang, Sarawak dan Sabah. Menariknya program berkenaan telah mendapat sambutan ramai yang mana lebih 2,000 hingga 5,000 orang menghadiri program tersebut. Apa yang saya boleh simpulkan, program berkenaan telah mencapai objektifnya iaitu untuk mendedahkan kepada orang ramai tentang kepentingan mendaftarkan perniagaan mahupun memperbadankan syarikat di samping mempromosi kesedaran berkenaan skim kepentingan.

Nama SSM terus melonjak naik dengan penganjuran pelbagai program lain pada tahun 2011 seperti *Workshop on Making a Difference for Entrepreneurs : Doing Business In Asia – World Bank Visit@SSM*, Majlis Perjanjian Kerjasama SSM-TM-BSN, Majlis Dialog Tahunan SSM dan Program *National Conference* yang bertujuan mengetengah dan menonjolkan kepada peserta tentang operasi, perundangan dan penguatkuasaan di SSM bagi membantu perniagaan berkembang pesat dalam mengikuti program Transformasi Ekonomi Negara. Sebenarnya banyak lagi kejayaan SSM yang tidak dapat saya nyatakan di sini. Walau bagaimanapun ingin saya rumuskan di sini segala kejayaan yang dikehapi SSM ini adalah kerana sikap kerjasama dan amalan kerja berpasukan.

Justeru, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan terharu kerana mendapat sokongan tinggi daripada seluruh warga kerja SSM dalam apa jua inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun 2011. Syabas dan teruskan kejayaan ini. Selain itu, kehadiran tahun baru 2012 ini adalah harapan kita untuk melihat perubahan lebih baik berlaku demi kemajuan dan kemakmuran kita semua.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sidang ridaksi Buletin SSM 2011 atas komitmen dan kerjasama dalam membuat bahan bacaan yang cukup berinfomasi dan berunsur santai sebegini. Akhir kata, hari ini kita mesti bersama bekerja untuk membuat perubahan, tidak kira apa jua jawatan dan tugas kita di SSM. Pendek kata, mesti ada perubahan dalam menempuh tahun 2012. Selain takdir yang ditentukan Tuhan, hanya diri kita sahaja yang dapat menentukannya sama ada perubahan itu dapat berlaku. Insya-Allah.

Selamat membaca!

**Zahrah Abd. Wahab Fenner**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan)



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

### KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SSM

Tuan Mohd Naim Daruwish  
[mnaim@ssm.com.my](mailto:mnaim@ssm.com.my)

### KETUA PENGARANG

### TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Zahrah Abd. Wahab Fenner  
[zahrah@ssm.com.my](mailto:zahrah@ssm.com.my)

### PENGARANG / PENYELARAS PENERBITAN

Shahren Yusri  
[shahren@ssm.com.my](mailto:shahren@ssm.com.my)

### PENGARANG

Suzana Mohd Razali  
[suzana@ssm.com.my](mailto:suzana@ssm.com.my)

### KETUA EDITOR

Wan Zarazillah Wan Abu Bakar  
[wanzarazillah@ssm.com.my](mailto:wanzarazillah@ssm.com.my)

### PENOLONG KETUA EDITOR

Mohammad Arif Nizam Abdullah  
[arifnizam@ssm.com.my](mailto:arifnizam@ssm.com.my)

### PENULIS / PENYUMBANG BAHAN

Shahren Yusri  
Mohammad Arif Nizam Abdullah  
Norhaslinda Salleh  
Azleen Azmee  
Khairon Niza Md Akhir

### JURUGAMBAR

Wan Indera Luthfi Wan Abu Bakar  
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

### PENGUMPUL MAKLUMAT

Zubaidah Yusof  
Mohd Rafique Kosnir  
Muhammad Ilham Ibrahim  
Nurulhazirah Md Idros  
Salbiah Mohamad Said

### PENGEDARAN

Hairul Adhar Ramli  
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

# KANDUNGAN



KPE Baharu SSM ms04

Tips berguna ms07

Persidangan Penguatkuasaan ms08

Tanggungjawab Korporat ms10

Artis & SSM ms18

santai Minda ms20

Apakah itu Skim Kepentingan ms22

Imbasan 2011 ms26

Peristiwa bergambar ms31

Direktori ms37

# KPE Baharu SSM

PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA YANG BAHARU

**S**uruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengumumkan pelantikan Encik Mohd Naim Bin Daruwish sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM yang baharu berkuatkuasa 1 Disember 2011 bagi menggantikan Dato' Azmi Bin Ariffin yang kini bertugas sebagai Ketua Unit Narkotik, Bahagian Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya.

Mohd Naim Bin Daruwish berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang Undang (Kepujian) daripada Universiti Malaya. Kerjaya beliau bermula pada April 1984 sebagai Pegawai Undang-undang di Bank Pertanian Malaysia selama setahun. Beliau kemudiannya menyertai perkhidmatan kerajaan dan telah dilantik sebagai Majistret dan seterusnya sebagai Majistret Kanan. Sepanjang berkhidmat sebagai Majistret, beliau telah ditugaskan di



Mahkamah Majistret Klang, Kuala Selangor dan Kajang serta di Mahkamah Litar Sungai Besar, Teluk Datuk dan Sepang. Kemudian, beliau telah dilantik sebagai Pengurus Kanan Bahagian Pendakwaan/Litigasi, Jabatan Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Kuala Lumpur pada Februari 1992 sehingga Januari 2007. Selepas itu, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Jabatan Pengukuasaan KWSP dan seterusnya sebagai Pengurus Besar Kanan, Jabatan Undang-undang KWSP pada Januari 2009 sebelum berkhidmat sebagai

Pengurus Besar Kanan Jabatan Caruman KWSP pada April 2011. SSM percaya dengan kewibawaan, kepimpinan dan pengalaman luas beliau, SSM akan terus cemerlang sebagai pemangkin sektor korporat Negara.

46

EKONOMI

Jumaat  
2 Disember 2011

BERITA HARIAN

## Naim Ketua Eksekutif SSM

南洋商报 2011年12月2日●星期五 Commercial News 商业 A2

公司委会委新总执行长

**Mohd Naim**  
**CEO SSM**  
SURUHANJAYA Syarikat Malaysia

B6 | BUSINESS TIMES

NEWS

**Mohd Naim is new CEO of companies commission**

**SSM appoints Mohd Naim as CEO**

Harian Metro Bisnes Jumaat, 2 Disember 2011

★ SUNBIZ | 17

theSun ON THURSDAY | DECEMBER 1, 2011

1 Disember 2011

UTUSAN MALAYSIA • MUKA 33

**SSM lantik**  
**CEO baru**

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hari ini mengumumkan pelantikan Mohd. Naim Daruwish sebagai Ketua Pegawai Eksekutif baharu berkuat kuasa esok.

Ketua Unit Perhubungan Awamnya, Mohamad Shahren Mohammad Yusri berkata, pelantikan Mohd. Naim ialah bagi menggantikan Datuk Azmi Ariffin yang telah berlakukar ke Jabatan Peguam Negara, Putrajaya.

"Sebelum menjawat jawatan baharu ini, beliau merupakan

**Dalam Negeri**

**SSM**

填补目前已转到总检察署任职的拿督阿兹米阿里芬的空缺。  
莫哈末纳因 1984  
富阅历、领导能  
威信，公司委员  
继续在国内企业  
扮演重要角色。

04

*Teamwork •  
Customer Service •  
Modernization •  
of processes and  
systems*

# Aspirasi

Tuan Mohd Naim Daruwish  
Dalam Menerajui SSM

“Saya percaya banyak pencapaian yang telah dicipta oleh SSM selama ini hasil daripada usaha dan penat lelah semua warga SSM. Walau bagaimanapun, saya tidak mahu kejayaan ini terhenti setakat ini, tetapi sebaliknya saya mahu ianya terus dipertingkat dan diperkuuhkan.”

“Saya mahu warga kerja SSM berfikir secara kreatif dan berinovasi bagi mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam SSM.”

“Marilah kita bersepakat dan kikis sikap negatif dan buruk sangka dalam kita melaksanakan tugas sehari-hari.”

“Janganlah kita berada dalam zon selesa dan berfikir “cara lama” tanpa melakukan perubahan untuk terus kekal relevan.”

“...saya juga ingin menyeru warga SSM agar menyerapkan budaya korporat yang baik dalam diri masing-masing seperti mempunyai nilai integriti yang tinggi, jujur, amanah, berdisiplin, berdaya saing dan berorientasikan pemikiran strategik dan ‘*performance driven*’. Perkara ini secara lansung akan menjadi tadbir urus korporat yang baik.”

# 1 Malaysia

Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan



SENTRALISASI MEMBERI LAYANAN  
DENGAN SENYUMAN




# TIPS BERGUNA

- Saranan diri positif
- Ubah penampilan diri
- Jangkakan kejayaan
- Contohi perwatakan orang yang berjaya
- Dalami ilmu kecemerlangan
- Berkawan dengan orang berjaya
- Fokus kepada apa yang anda mahukan

## MEMBINA SIKAP POSITIF

MEMBINA  
SIKAP  
POSITIF



## KATA KATA HIKMAH

Kejayaan adalah 10 peratus inspirasi dan 90 keringat

Thomas A. Edison

Masalah yang dihadapi ialah peluang untuk peningkatan diri

Hukama

Kegagalan merancang adalah sama seperti merancang kegagalan

Winston Churchill

Diri kamu itu kecil tetapi dalam diri manusia itu terdapat suatu alam yang besar

Sayidina Ali

# PERSIDANGAN PENGUATKUASAAN KEBANGSAAN SSM 2011

Pada 6 hingga 9 Disember 2011, Bahagian Penguatkuasaan SSM telah menganjurkan Persidangan Penguatkuasaan Kebangsaan SSM 2011 yang diadakan di Hotel Equatorial, Melaka.

Persidangan yang diadakan untuk kali ke-3 tersebut bertemakan "**A PARADIGM SHIFT IN ENFORCEMENT STRATEGY THROUGH INNOVATION**". Persidangan yang dianjurkan tersebut dihadiri oleh seramai 113 orang peserta yang merupakan pegawai-pegawai dari Pejabat Penguatkuasaan dan disertai dengan 10 orang pegawai dari Bahagian- bahagian lain di SSM.

Majlis perasmian Persidangan tersebut telah disempurnakan oleh Encik Aznorashiq Bin Mohamed Zain, Pengarah Bahagian Siasatan SSM pada 6 Disember 2011.

Persidangan Penguatkuasaan SSM ini adalah merupakan satu program tahunan yang dirangka khas oleh Pejabat Penguatkuasaan dengan matlamat utamanya untuk menjadikan program ini sebagai satu **platform** untuk pegawaи-pegawai penguatkuasaan SSM mengenalpasti mekanisme dan strategi tindakan penguatkuasaan yang baru (**emerging trends in enforcement activities**)

bagi tujuan untuk meningkatkan tahap penguatkuasaan SSM supaya menjadi lebih efisien dan efektif.

Persidangan ini juga adalah merupakan salah satu usaha berterusan Pejabat Penguatkuasaan SSM untuk memastikan langkah-langkah dan mekanisme penguatkuasaan sedia ada diberi penambahbaikan bagi memenuhi keperluan pihak-pihak yang berkepentingan (**stakeholders**). Kewujudan pelbagai cabaran yang kompleks berikutan kekerapan berlakunya pelbagai jenis jenayah korporat kini menuntut mekanisme tindakan penguatkuasaan yang lebih inovatif dalam membentras jenayah korporat bagi memenuhi ekspektasi serta mampu melangkaui kehendak awam dan pihak-pihak berkepentingan dalam dunia korporat.

Tema persidangan penguatkuasaan 2011 ini juga adalah bertepatan dan relevan lanjutan daripada pengisytiharan tahun 2012 sebagai tahun Gerakan Inovasi Nasional oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak di dalam Bajet 2012 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 Oktober 2011 yang lalu. Intipati ucapan YAB Perdana Menteri juga





menyeru agar inovasi diterap dan diamalkan oleh semua sektor termasuk sektor swasta, sektor awam, NGO hatta kanak-kanak prasekolah.

SSM sebagai sebuah badan berkanun yang mengawal selia tadbir urus korporat di Malaysia telah menyahut cabaran YAB Perdana Menteri dengan menggariskan 7 teras strategik yang menjadi paksi halatuju organisasi yang mana salah satu teras yang terlibat ialah menyampaikan produk dan perkhidmatan yang inovatif untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan.

Selain daripada terdapat penyampaian **keynote addresses** daripada pihak pengurusan pertengahan Pejabat Penguatkuasaan, sebanyak 13 pembentangan kertas kerja telah disampaikan oleh penceramah jemputan yang merangkumi pelbagai aspek operasi, proses kerja dan undang-undang yang berkaitan dengan peranan SSM sebagai badan kawalselia korporat yang utama di Malaysia. Peserta-peserta kemudiannya dibahagikan kepada 4 kumpulan

untuk berbincang dan memberi idea inovatif berkaitan dengan proses kerja dan aktiviti berkaitan penguatkuasaan. Idea-idea tersebut kemudiannya dibentangkan kepada semua peserta persidangan dan pihak pengurusan pertengahan SSM.

Selain daripada manfaat yang diperolehi daripada pembentangan kertas kerja di dalam persidangan tersebut, peserta-peserta persidangan juga mengecapi saat paling manis apabila diberi peluang mengenali dengan lebih rapat lagi Tuan Mohd Naim Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif SSM yang ketika itu, baru seminggu dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut melalui sesi dialog yang diadakan sebelum persidangan berakhir.

Pihak penganjur juga amat berbesar hati di atas kesudian Yang Berbahagia Tuan Mohd Naim Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif SSM untuk merasmikan Majlis Penutup Persidangan pada 9 Disember 2011. Persidangan berakhir kira-kira jam 1.00 tengahari.

# SEMINAR BERSIRI TANGGUNGJAWAB KORPORAT SSM

Konsep dan ideologi "Tanggungjawab Korporat" tidak berapa dikenali di kalangan perniaga kecil dan sederhana (PKS). Jika Malaysia ingin mendapat manfaat dari Tanggungjawab Korporat (CR) atau Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sepenuhnya, adalah penting untuk memastikan industri PKS ini terlibat sepenuhnya dalam membudayakan amalan CR atau CSR ini kerana terdapat lebih 900,000 syarikat swasta dan empat (4) juta perniagaan yang berdaftar dengan SSM yang menyumbang sebanyak 56% daripada jumlah tenaga kerja dan dianggap sebagai penyumbang utama ke arah pertumbuhan ekonomi negara.

Walaupun syarikat-syarikat awam yang tersenarai memainkan peranan penting dalam memupuk budaya tanggungjawab korporat, industri PKS boleh membawa pembezaan yang ketara bagi menentukan haja tuju Negara.

Salah satu objektif dan ungkapan Agenda CR SSM yang dilancarkan pada 30 Jun 2009 adalah untuk menggalakkan semua syarikat dan perniagaan berusaha ke arah mencapai keseimbangan di antara usaha menjana keuntungan di samping mewujudkan persekitaran hidup yang lestari.

Usaha SSM untuk menggalakkan amalan tadbir urus korporat yang baik melalui pengiktirafan tanggungjawab korporat termasuklah mengambil langkah-langkah pendidikan dengan mengadakan seminar bersiri yang direka untuk PKS. Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat SSM yang pertama "Ke arah Kelestarian Perniagaan" telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 29 November 2011.

Seminar ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan menggalakkan tanggungjawab korporat serta memberi inspirasi kepada PKS untuk mengamalkan tadbir urus yang baik, yang merupakan asas kepada tanggungjawab korporat. Seminar pertama ini memberi pendekatan konsep kelestarian serta menguar-uarkan Agenda CR SSM kepada syarikat dan perniagaan di Malaysia.

Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat SSM ini akan merupakan acara tahunan yang akan mengetengahkan topik-topik semasa yang berkaitan dengan tanggungjawab korporat dan mempromosikan inisiatif-inisiatif CR SSM (iaitu Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik, Set Panduan, Kisah Kejayaan dan lain-lain).

**menggalakkan semua syarikat  
dan perniagaan berusaha ke arah  
mencapai keseimbangan di  
antara usaha menjana  
keuntungan di samping  
mewujudkan persekitaran  
hidup yang lestari**



# PROGRAM PENYUSUAN IBU DI TEMPAT KERJA

Satu kolaborasi bersama UNICEF dalam menubuhkan suasana bekerja yang kondusif untuk pekerja wanita.

Pada tahun ini, SSM dan UNICEF meneruskan kerjasama dalam menerbitkan Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 2/2011 bertajuk "*Establishing a Conducive Working Environment for Women: Nursing Mothers Programme at the Workplace*". Pekeliling ini telah dilancarkan pada 24 November 2011 di Kota Kinabalu, Sabah di Majlis Dialog Tahunan Sabah SSM 2011 oleh Puan Hajah Rokiah Mohd Noor, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) dan En. Hans Olsen, wakil UNICEF ke Malaysia dan wakil khas ke Brunei Darussalam.

Hubungan kerja di antara SSM dan UNICEF bermula dengan pemeteraian Memorandum Persefahaman pada 28 Januari 2010 yang bermatlamat untuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak dan wanita di Malaysia melalui penggalakkan amalan tanggungjawab korporat di kalangan komuniti korporat dan perniagaan.


Pekeliling ini memberi penekanan kepada syarikat dan perniagaan untuk menyokong persekitaran yang mesra kanak-kanak dan keluarga melalui pengendorsan program penyusuan ibu di tempat kerja. Dengan menyokong program ini, secara tidak langsung, syarikat dan perniagaan dapat menggalakkan

wanita untuk kekal bekerja ke arah memperkasakan pekerja wanita dalam bidang ekonomi selaras dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Wawasan 2020 yang menggalak dan menekankan pembangunan sosio-ekonomi untuk negara mencapai taraf ekonomi maju. Satu komponen utama program penyusuan ibu adalah untuk majikan-majikan mempertimbangkan dan mewujudkan kemudahan bilik penyusuan di tempat kerja.

Pekeliling ini menyenaraikan komponen-komponen asas bagi program penyusuan ibu dengan menyediakan bilik penyusuan di tempat kerja. Ia juga menyenaraikan faedah dan manfaat pelaksanaan yang amat ketara jika majikan menyumbang kepada program penyusuan ibu di tempat kerja. Kerjasama di antara SSM dan UNICEF adalah usaha yang patut dicontohi untuk semua di Malaysia berganding bahu dan bekerjasama ke arah memperjuangkan hak kanak-kanak dengan mempromosikan tanggungjawab korporat di dalam persekitaran perniagaan. Syarikat dan perniagaan boleh memainkan peranan lanjutan untuk memastikan keperluan kanak-kanak diberi kepentingan dan diketengahkan sebagai aset berharga negara.

# RUANGAN KOMIK

## "KEPENTINGAN KERJASAMA"



## "DAFTAR DENGAN SSM"



# PENGENALAN PEKERJA BARU

(Kemasukan dari bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012)



**MOHD FADZLI BIN HIDZIR**  
GRED 50  
BAHAGIAN SUMBER KORPORAT

**SYAHRIL LUFTI BIN SYAMSUL**  
**JOHAR SIMON**  
GRED 50  
SSM NEGERI SEMBILAN



**NUR SHAHIRA BINTI MOHD SHAHAR**  
GRED 50  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
PERUNDANGAN

**NOR AZLEENA BINTI MOHD AZMAN**  
GRED 50  
BAHAGIAN PEMATUHAN



**ZARITH AINA BINTI ZAINUDIN**  
GRED 50  
SSM SELANGOR

**TAN AIK HUI**  
GRED 50  
SSM NEGERI PULAU PINANG



**ZULHILMI BIN ZABIDI**  
GRED 47  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
PENDAFTARAN

**MOHAMMAD AZLY BIN ZAINUDI**  
GRED 47  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
PENDAFTARAN



**MEOR MOHD AZRI BIN HAMDI**  
GRED 47  
SSM PERAK

**NUR DARINA BINTI ALIAS**  
GRED 47  
SSM NEGERI KEDAH



# KERJAYA DI SSM

Sebagai sebuah badan berkanun yang mempunyai kuasa sendiri bagi pengambilan pekerja dan menentukan faedah bagi pekerjanya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka yang berkelayakan dengan pelbagai kelebihan menarik.

Struktur organisasinya membabitkan pelbagai bahagian/seksyen mengikut kelayakan calon antaranya sumber korporat, pematuhan, siasatan, perundangan, pembangunan korporat dan polisi, teknologi maklumat dan komunikasi, pembangunan perniagaan dan pemasaran, perkhidmatan pendaftaran dan operasi cawangan.

Pejabatnya terdapat di seluruh negara sekali gus membuka peluang kepada graduan-graduan cemerlang dan pekerja-pekerja berpengalaman untuk memohon. Selain mendapat keputusan cemerlang dalam akademik, kelayakan lain yang ditekankan ialah mahir dalam berbahasa Melayu dan Inggeris (lisan dan penulisan) dan bersedia untuk ditempatkan di negeri-negeri mengikut keperluan dan kekosongan semasa.

SSM menyediakan pelbagai faedah untuk memastikan pekerja-pekerjanya dapat bekerja dalam keadaan selesa dan terus menyumbangkan idea-idea berasas bagi pembangunan SSM pada masa hadapan.

SSM turut memberi peluang pembangunan dan perkembangan kerjaya antaranya program

pertukaran antara agensi, latihan dalaman, program awam dan latihan luar negara.

Eksekutif Kanan Seksyen Pengawasan Akaun Korporat, Bahagian Pematuhan SSM, Amirul Faizal Farid, 32, berkata beliau sudah tiga tahun bertugas di SSM selepas meninggalkan kerjayanya selama tujuh tahun sebagai pegawai bank dan tidak berniat bertukar kerjaya lagi memandangkan kepuasan bekerja di SSM. Beliau berkata, walaupun ada tawaran dari syarikat lain, beliau tetap kekal bersama SSM yang disifatkan mempunyai persekitaran kerja menarik dan selesa selain berpeluang menghadiri pelbagai program latihan dalam dan luar negara serta melaksanakan pelbagai projek SSM. “SSM juga memberi fokus kepada pembangunan kerjaya pekerjanya dan di sini




saya dapat meningkatkan kerjaya saya ke tahap lebih tinggi,” katanya.

Pegawai Pendakwa, Bahagian Perkhidmatan Perundangan SSM, Steve Chin Yun Cheong, 26, berkata sebelum ini beliau pernah bekerja di firma guaman tetapi tidak menggemari suasana kerja di situ sebelum bertugas pula di bank dan syarikat insurans selama kira-kira dua tahun. Steve berkata, akibat tiada kepuasan bekerja, beliau mencuba nasib menghantar permohonan ke SSM dan mengambil keputusan menyertai SSM sejurus diterima, walaupun pada mulanya hasrat itu tidak dipersetujui bekas majikannya. “Sekarang ini saya rasa selesa dan menikmati setiap saat di SSM. Ia adalah satu tempat yang bagus dan gembira. Akhirnya saya bertemu dengan kerja yang memberi kepuasan pada saya,” katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Seksyen Pembangunan Aplikasi, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) SSM, Mohamad Fahmi Mohamad Adini, 29, berkata sebelum ini beliau pernah bekerja sebagai Programmer tetapi masa yang terlalu panjang di pejabat sehingga kadang-kala berlarutan hingga 5.00 pagi tidak mampu dilaluinya lagi, apalagi ketika membuat keputusan berumahtangga. Katanya, apabila mengetahui SSM membuat pengambilan pekerja baru dalam bidang ICT, beliau kemudiannya memohon dan gembira kerana berjaya dalam permohonan tersebut. Beliau juga seronok bekerja di mana pada masa ini tugasnya turut membabitkan pertemuan terus dengan pelanggan yang menggunakan sistem yang dibangunkan oleh bahagian beliau. “Saya mula bertugas di SSM sejak awal tahun lalu dan terus-terang saya mengaku setiap kali bangun pagi, saya sangat teruja dan tidak sabar untuk ke tempat kerja,” katanya.

***SSM menyediakan pelbagai faedah untuk memastikan pekerja-pekerjanya dapat bekerja dalam keadaan selesa dan terus menyumbangkan idea-idea berasas bagi pembangunan SSM pada masa hadapan.***



# TESTIMONIAL

## PEKERJA SSM

Apakah pendapat anda mengenai SSM selama anda berada atau bekerja disini ?




Saya rasa seronok bekerja di sini, kerana banyak kemudahan disediakan disini.

Cik. NorSuhada Zakaria,  
Operator



Saya rasa bersyukur dipilih untuk praktikal di SSM ini, sebab ingin menimba ilmu dari segi cara berkerja, sistem pengurusan SSM, sumber korporat dan professionalism.

En. Irfan Azmi,  
Pelajar Praktikal



Bagi saya, memang banyak faedah yang paling bagus untuk berkerja, kerana di sini SSM kita diberi peluang untuk belajar banyak perkara, contohnya kita dihantar kursus, seminar dan lain-lain.

En. Wan Indera Lutfi  
Wan Abu Bakar,  
Eksekutif



Setakat ini memang banyak peluang pekerjaan lain diluar saya terima untuk bekerja, tapi di SSM ini juga pilihan hati saya sebab saya sudah serasi dengan semua warga SSM.

En. Zawawi Ahmad,  
Ketua Unit




Saya rasa SSM adalah tempat yang baik untuk bekerja dengan persekitaran yang sempurna dan ia adalah tempat untuk meneroka kemahiran dan pembangunan.

En. Jegatheesan Govintharaj,  
Eksekutif



SSM banyak memberi kemudahan kepada saya dan suasana bekerja di SSM bagus. Saya suka sebab pejabatnya yang terletak berdekatan dengan rumah saya memudahkan saya berulang alik ke tempat kerja.

Pn. Jamilah Hj Hamzah,  
Penyelia



Saya sangat suka SSM sebab SSM ada banyak perkara baru yang boleh saya pelajari dan kelebihan yang disediakan seperti tiska untuk ibu yang bekerjaya sangat membantu.



Keputusan yang saya ambil untuk menjalani latihan industri di SSM sangat tepat sebab saya sukakan setiap kerja yang diberi dan ianya sangat berkaitan dengan kursus yang saya ambil di IPT.

En. Shahadan Mohd Nor,  
Pelajar Praktikal



Persekitaran pekerjaan di SSM pada saya sangat menarik dan secara semulajadi saya sangat selesa untuk bekerja di sini. Saya rasa SSM juga mempunyai potensi yang cemerlang dalam dunia korporat.

En. Faisal Shahar, Eksekutif



Saya suka SSM yang sekarang sebab ia makin bertambah baik tetapi walaubagaimanapun apa yang saya lihat masih ada ruang dan peluang untuk SSM perbaiki.

En. R.Sivam Rajagopal,  
Ketua Seksyen

# TAHUKAH ANDA, BAGAIMANA ADUAN KE SSM BOLEH DIBUAT SECARA ONLINE?



- (a) Layari [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my)
- (b) Klik pada ikon **e-complaint**
- (c) Isi Borang Aduan yang disediakan :
  - (i) Melibatkan Salahlaku atau Kesalahan di bawah Akta; **ATAU**
  - (ii) Melibatkan Produk dan Perkhidmatan SSM
- (d) Atau emelkan kepada :
  - (i) [aduan@ssm.com.my](mailto:aduan@ssm.com.my) ; **ATAU**
  - (ii) [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my)

**TIP PENTING**

## BAGAIMANA ANDA BOLEH MENDAPAT PERLINDUNGAN DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

 Aduan / Pendedahan mengenai kesalahan jenayah / disiplin

 Maklumat adalah rahsia rasmi Kerajaan atau dilindungi di bawah undang-undang

Anda boleh dikenalpasti dan dihubungi berdasarkan maklumat peribadi yang diberi

Anda menjadi saksi atau membuat tuntutan sivil

Aduan / Pendedahan dibuat kepada agensi penguatkuasaan

Aduan / Pendedahan dibuat kepada pihak selain agensi penguatkuasaan (cth: media, rakan-rakan)

# ROZITA BUKA BUTIK TUDUNG

**SIAPA** kata artis wanita popular malu turun padang untuk bermula? Biarpun status selesa disalutti kilauan glamor dalam dunia hiburan, ia sama sekali tidak menyekat minat melakukan kerja-kerja yang merumitkan seperti mengurus kewangan dan pemasaran.

Malah tiada juga perasaan segan dan ragu-ragu dilubuk hati untuk terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan seperti butik tudung, apatah lagi takut dikatakan perniagaan itu tidak ada ‘kelas’. Itu alasan aktres jelita Rozita Che Wan yang bakal membuka butik tudung bersama dua adiknya, pelakon Ayu Raudhah dan Rubyah iaitu isteri kepada pelawak Lan Pet Pet.

Aktres berusia 38 tahun itu mahu membuktikan kerjaya artis tidak menjadi penghalang buat dirinya untuk meneruskan minat dia dan ahli keluarganya dalam perniagaan. Hasilnya, wujudlah butik tudung Padusi yang bakal dilancarkan dalam masa terdekat ini. Kata ibu tunggal kepada dua anak teruna itu, Padusi berasal dari bahasa Minang dan membawa maksud wanita yang lembut.

“Sebenarnya 100 peratus rekaan tudung butik kami sudah siap dan yakin semua rekaan itu mampu memenuhi citarasa wanita Muslim di negara ini yang memerlukan gaya sesuai sama ada ke pejabat atau pun majlis keraian.”

“Sebagai bukti, walaupun Butik Padusi ini belum memulakan operasi secara rasmi, kami begitu terkejut dengan sambutan yang menggalakkan menerusi tempahan jualan di dalam talian,” katanya teruja sambil ketawa. Menurut wanita kelahiran Alor Setar, Kedah itu, semuanya bermula apabila idea membuka butik datang daripada Ruby yang merupakan bekas pelajar fesyen di sebuah kolej swasta.

Katanya, idea untuk membuka perniagaan itu sebenarnya sudah lama timbul tetapi terpaksa mengambil masa lama untuk mencari produk perniagaan yang paling sesuai.





"Justeru, sebelum populariti saya tenggelam di masa akan datang, lebih baik saya membuka perniagaan sebagai jaminan karier apabila tidak lagi menjadi perhatian penerbit. Sekurang-kurangnya saya ada tempat untuk bergantung hidup di kemudian hari.

"Namun saya sedar, bidang perniagaan bukanlah semudah yang disangka kerana pahit getir perlu dihadapi untuk bergelar usahawan berjaya. Tapi saya percaya, selagi ada kemahuan dan niat yang ikhlas, apa yang dilakukan pasti diper mudahkan jalan oleh Yang Maha Kuasa," katanya penuh mengharap.

"Lebih istimewa, kesemua rekaan tudung tersebut dibuat sendiri oleh saya dan harga yang ditawarkan sekitar RM79 ke atas untuk setiap helai tudung."

"Saya suka mereka tudung dengan fesyen terbaru apabila ada waktu luang namun dari segi jahitan kami ada tukang jahit sendiri," kata pelakon utama drama Kiah Pekasam yang disiarkan di saluran Astro itu.

Rozita menambah, penglibatannya dalam bidang perniagaan merupakan persediaan awal sebelum populariti jatuh menjunam pada masa akan datang.

Jelas ibu kepada Ammar Effendi, 15, dan Aniq Ezra, 13, dia tidak mahu hanya mengharapkan limpah populariti dan hanyut tanpa membuat perancangan diri dan keluarganya sambil menyifatkan ketika ini merupakan waktu yang tepat untuk melakukan anjakan paradigma dalam hidup.

"Hidup sebagai artis ini memang nampak seronok di mata masyarakat tetapi hakikatnya banyak pengorbanan yang perlu dilakukan untuk mengekalkan nama di dalam industri.

## Daftar perniagaan di SSM

Dalam pada itu, Rozita menasihatkan orang ramai yang ingin mencebur bidang perniagaan mendaftar dengan SSM sebagai mematuhi undang-undang yang sedia ada di negara ini.

Katanya, alasan tidak ada masa dan faktor lokasi jauh tidak boleh diterima pakai lagi kerana SSM kini menyediakan kaunter bergerak atau kiosk di lokasi strategik bagi memudahkan penjaja yang tidak mempunyai masa untuk datang ke SSM membuat pendaftaran.


"Sebenarnya apabila golongan peniaga mendaftar perniagaan mereka, ia secara langsung dapat menarik dan meyakinkan lebih ramai pelabur asing ke negara ini berdasarkan persekitaran ekonomi yang stabil dan cekap."

"Bagaimanapun mungkin ada di kalangan peniaga tidak mengetahui cara-cara untuk mendaftarkan perniagaan mereka namun kemudahan teknologi makumat dan komunikasi yang disediakan oleh SSM perlu direbut kerana mendaftaran perniagaan kini boleh dilakukan di hujung jari sahaja," jelasnya serius.

**"Kesemua rekaan tudung tersebut dibuat sendiri oleh saya dan harga yang ditawarkan sekitar RM79 ke atas untuk setiap helai tudung."**

# SANTAI MINDA

Berehat sebentar! Lupakan kesibukan kerja... uji minda anda!



Oleh: Hairul Adhar Bin Ramli

## Melintang:

1. Perincian tentang sesuatu .....
7. Duyunan yang menyesakkan ( bahasa Inggeris) .....
9. Sesuatu objek yang berbentuk bulat seperti bola .....
10. Sejenis hidupan satu sel .....
13. Hebat atau hangat .....
15. Setakat mana jauhnya .....
17. Siasatan rasmi tentang punca sebenar .....
19. Majlis yang mentadbir negeri .....
20. Umum .....
22. Baik atau elok untuk nama timang-timangan .....
23. Tidak memperdulikan orang lain .....
25. Air limau .....
27. Keduniaan .....
28. Sesuatu tindakan yang mengubah sesuatu situasi yang kurang baik .....
29. Singkatan 'Ini' .....

## Ke bawah:


1. Berkaitan dengan hal kemasyarakatan .....
2. Lapisan luar yang keras pada gigi .....
3. Surat akuan dari universiti sebagai tanda tamat belajar .....
4. Nama piala .....
5. Gerakan aliran udara yang cepat .....
6. Berbalai-balai .....
8. Berlakunya gerak gempa yang dahsyat di sini .....
11. Butiran dalam susuatu atur cara komputer .....
12. Upacara merenjis air pada seseorang sebagai penerimaannya menjadi ahli gereja Kristian .....
14. Seperti, umpama .....
18. Undang-undang,hukum, peraturan .....
19. "Bagai bertandang ke rumah ....."
21. Kecil sekali .....
22. Sudah selesai .....
24. Sesuai, cocok, padan ( dalam bahasa Inggeris) .....
25. Kalau-kalau .....
26. Mata air (dalam bahasa Arab) .....
27. Pegawai Daerah ( dalam bahasa Inggeris) .....

# Tahukah Anda?



Satu wadah perniagaan baharu iaitu Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) atau lebih dikenali sebagai Limited Liability Partnership (LLP) telah diperkenalkan oleh SSM sebagai alternatif kepada para peniaga untuk melakukan perniagaan.

PLT ini telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Disember 2011.



PLT menggabungkan kriteria sesebuah syarikat dan firma perniagaan yang memberikan perlindungan terhadap liabiliti terhad kepada ahli-ahli dan urusan dalaman yang lebih fleksibel.

Konsep PLT akan menyokong perniagaan baru, kecil dan sederhana (SMEs) dan golongan profesional memperkembangkan perniagaan mereka tanpa perlu rasa bimbang terhadap liabiliti dan aset peribadi serta permintaan pematuhan.

# APAKAH ITU SKIM KEPENTINGAN ?

Petikan temubual bersama KPE SSM tentang Skim Kepentingan

## Apa itu skim kepentingan secara ringkas?

Skim Kepentingan secara amnya adalah merupakan satu kaedah untuk mendapatkan dana dari orang ramai bagi membiayai aktiviti perniagaan sesebuah syarikat. Orang ramai yang menyertai skim seperti ini dijanjikan keuntungan tertentu, berbentuk wang, faedah atau kemudahan melalui skim yang disertai.

Skim Kepentingan ditadbir oleh SSM di bawah peruntukan Seksyen 81-97 Akta Syarikat 1965.

Ciri-ciri skim kepentingan:

- (i) Peserta dikehendaki membuat bayaran kepada syarikat, sama ada secara tunai atau sebagainya untuk menyertai skim,
- (ii) Peserta bukan merupakan pemegang syer dalam syarikat,
- (iii) Peserta tidak terlibat dalam pengurusan sehari-hari skim,
- (iv) Peserta mempunyai kepentingan dalam perniagaan atau skim yang ditawarkan.

Skim kepentingan juga memenuhi salah satu kriteria berikut:

- (i) Peserta mempunyai kepentingan dalam keuntungan, aset atau realisasi di dalam mana-mana perniagaan skim di Malaysia atau sebaliknya,
- (ii) Peserta dipengaruhi untuk mengharapkan keuntungan sewa atau faedah daripada skim yang disertai,
- (iii) Peserta mempunyai hak atau kepentingan di dalam harta termasuk hak untuk menggunakan kemudahan ke atas harta tersebut untuk tempoh melebihi 12 bulan,
- (iv) Peserta berhak untuk menggunakan kemudahan percutian melebihi 2 kali dalam tempoh penyertaan di dalam skim kongsi masa.

## Apakah perbezaan melabur dalam skim kepentingan dan unit amanah atau “business trust”?

Pelaburan unit amanah merupakan pelaburan dana secara kolektif dan diuruskan oleh pengurus dana. Dana yang dikumpulkan dilaburkan dalam saham atau sekuriti tertentu yang dibenarkan bagi pihak pelabur. Pelaburan unit amanah bukanlah pelaburan terus terhadap sesuatu aktiviti syarikat seperti manajemen lazimnya pelaburan dalam skim kepentingan. Pelaburan dalam “business trust” pula mempunyai ciri pelaburan yang mirip seperti pelaburan dalam unit amanah.

Namun, pengurus dana boleh melaburkan dana tersebut dalam aktiviti perniagaan syarikat-syarikat yang tertentu secara kolektif.

## Berapa banyak syarikat yang daftar dengan skim kepentingan sekarang?

Sehingga 20 Februari 2012, sebanyak 173 skim kepentingan telah didaftarkan yang melibatkan 10 kategori seperti berikut:

Kategori skim kepentingan	Jumlah Skim Kepentingan yang didaftarkan
Skim Kongsi Masa	26
Skim Kongsi Tani	06
Kelab Marina	09
Kelab Rekreasi (dengan saham)	03
Kelab Rekreasi	34
Taman Memorial	03
Skim Kongsi Peralatan	01
Skim Hartanah	01
Kelab Golf & Rekreasi	71
Kelab Golf & Rekreasi (Kelab Rekreasi dengan saham)	19
<b>JUMLAH</b>	<b>173</b> <small>(Anggaran nilai keseluruhan Skim Kepentingan yang didaftarkan di SSM adalah sebanyak RM9.85 Billion)</small>

## Apakah prosedur pendaftaran Skim Kepentingan di SSM?

Hanya Syarikat Berhad sahaja yang dibenarkan menganjurkan skim kepentingan dan perlu mematuhi prosedur berikut:

- Mempunyai surat ikatan amanah (*trust deed*) yang didaftarkan di SSM;
- Melantik pihak ketiga untuk bertindak sebagai Pemegang Amanah;
- Borang pendaftaran yang diedarkan kepada orang ramai hendaklah disertakan salinan prospektus skim yang telah didaftarkan di SSM;

- Peserta skim diberikan tempoh bertenang selama 10 hari untuk menarik diri dimana wang akan dikembalikan dan tiada denda dikenakan ke atas mereka;
- Kakitangan jualan skim mestilah pekerja kepada pengajur skim atau syarikat pemasaran yang dilantik oleh pengajur dan diluluskan oleh SSM.

**Setakat ini sejauh mana seriusnya kes penipuan dalam skim pelaburan tidak sah? Berapa jumlah tertinggi orang tertipu, berapa juta?**

- Pada tahun 2011, SSM telah menerima 264 aduan manakala pada tahun 2010 sebanyak 270 aduan. Berdasarkan kepada 47 kes berkaitan penawaran pelaburan termasuk skim kepentingan tidak daftarkan dan penipuan skim pelaburan yang telah disiasat oleh SSM, jumlah kerugian dianggarkan berjumlah RM 620 juta. Lima aduan tertinggi yang diterima SSM sepanjang tahun 2011 adalah melibatkan pelaburan-pelaburan seperti berikut;

Jenis Skim Kepentingan	Jumlah Aduan
Skim Keahlian	36
Skim Pelaburan Hartanah	32
Skim Penternakan Lembu	29
Skim Penternakan Ikan Keli	21
Skim Pelaburan Aiskrim	20

**Statistik kes-kes siasatan SSM berkaitan skim pelaburan termasuk skim kepentingan di bawah Akta Syarikat 1965 dan skim kutu di bawah Akta Larangan Kutu 1971:**

Kategori kesalahan	TAHUN		
	2011	2010	2009
Gagal mematuhi kehendak Akta Syarikat berkaitan Skim Kepentingan	1	6	5
Penipuan Skim Pelaburan Tidak Sah	17	4	14
Penawaran pelaburan dalam syarikat kepada orang ramai tanpa mematuhi kehendak Akta Syarikat	-	-	5
Skim Kutu	2	3	-
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>13</b>	<b>24</b>

### **Apa tindakan SSM dan nasihat SSM?**

- SSM mengambil Pendekatan Penguatkuasaan Seimbang dalam menangani isu berkaitan skim pelaburan tidak berdaftar. Kaedah pelaksanaan



- penguatkuasaan SSM terbahagi kepada dua kategori dan juga dianggap berkonseptan sebagai serampang dua mata, kerana melibatkan isu pendidikan dan kesedaran ke atas pihak pengajur dan orang ramai, selain daripada tindakan penguatkuasaan.
- (i) Kedua-dua kategori tersebut adalah: Penguatkuasaan secara pro-aktif (pemantauan aktiviti penawaran skim melalui media dan internet); dan
- (ii) Penguatkuasaan secara re-aktif (pemantauan berdasarkan aduan).

#### **Kes-kes Pendakwaan kerana gagal untuk mendaftar Skim Kepentingan**

- Sejak dari tahun 2005 hingga bulan Januari 2012 sebanyak 7 kes pendakwaan telah difailkan di Mahkamah ke atas syarikat-syarikat yang gagal untuk mendaftar Skim Kepentingan yang ditawarkan kepada pihak awam.
- Hukuman paling berat yang telah disabitkan oleh Mahkamah adalah sebanyak RM160,000.00 bagi Pengarah-Pengarah Syarikat Island Red Cafe Franchise Sdn. Bhd. yang menawarkan Skim Kepentingan tidak berdaftar (pada Ogos 2011).

#### **Hukuman ke atas kesalahan kerana gagal untuk mendaftar Skim Kepentingan**

- Pesalah boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen-seksyen berikut:
- (i) Seksyen 94 – Penjara 5 tahun atau denda RM100,000.00 atau kedua-duanya.
- (ii) Seksyen 363 (5) – Penjara 10 tahun atau denda RM250,000.00.

#### **Pemantauan ke atas skim pelaburan**

- Sepanjang tahun 2011, SSM telah memantau 192 skim pelaburan yang ditawarkan kepada orang ramai.
- Aktiviti pemantauan dijalankan bagi memastikan status skim-skim tersebut sama ada tergolong di dalam skim kepentingan atau tidak. Aktiviti pemantauan oleh SSM dibuat melalui media massa, internet (laman web, blog dan forum).

#### **Statistik pemantauan ke atas skim pelaburan tidak sah:**

Jenis Skim	Bilangan Kes 2011	Bilangan Kes 2010
Ternakan	88	90
Pengurusan Perniagaan	-	2
Kongsi Tani	12	11
Pelaburan Hartanah	6	8
Skim Sewa Semula	1	4
Keahlian Kelab	2	-
Kelab Kecergasan	-	-

Jualan Lansung	3	5
Skim Persaraan	-	-
Plot Perkuburan dan Petak Bekas Abu	18	-
Skim Kutu	4	29
Lain-lain	62	31
<b>JUMLAH</b>	<b>196</b>	<b>180</b>

#### **Tindakan-tindakan susulan yang akan diambil ke atas pengajur skim pelaburan**

- Sekiranya sesuatu skim pelaburan yang ditawarkan adalah tulin, SSM akan menasihatkan pengajur supaya mendaftarkan skim tersebut dan selanjutnya membolehkan skim tersebut ditawarkan secara sah. Sekiranya pihak pengajur masih enggan mendaftarkan skim tersebut dan masih menawarkan pelaburan kepada orang ramai, tindakan undang-undang akan diambil supaya skim tersebut tidak terus ditawarkan dan memohon kepada mahkamah supaya sesuatu skim pelaburan yang telah ditawarkan itu didaftarkan di SSM dan seterusnya melindungi kepentingan orang ramai.
- Sekiranya skim pelaburan yang ditawarkan itu disyaki dianjurkan dengan niat untuk menipu orang ramai atau tidak dibenarkan oleh undang-undang, SSM akan mengambil tindakan membekukan aset-aset pengajur dan seterusnya mengambil tindakan pendakwaan terhadap mereka yang terlibat. Setelah kesalahan tersebut disabitkan oleh mahkamah, tindakan untuk menyenaraihitamkan individu-individu yang terlibat supaya mereka tidak boleh terus-menerus menipu orang ramai dengan bertopengkan identiti perniagaan atau syarikat. Selain itu, SSM juga boleh mengambil tindakan undang-undang secara sivil bagi menahan sesuatu skim pelaburan daripada terus-menerus ditawarkan kepada orang ramai.
- Bagi skim-skim pelaburan tidak sah yang dijalankan melalui perniagaan, sama ada pemilikan tunggal atau perkongsian, tindakan pembatalan pendaftaran perniagaan akan diambil bagi menyekat perniagaan tersebut daripada terus-menerus dijalankan. Sekiranya hasil pemantauan mendapat kesalahan yang mungkin dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat adalah di luar bidang kuasa SSM, maka kes tersebut akan dirujuk kepada lain-lain agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk tindakan lanjut. Oleh itu, kewujudan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan amat ditekankan melalui Pendekatan Penguatkuasaan Seimbang.

#### **Nasihat kepada orang ramai**

- SSM ingin menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati apabila ditawarkan sesuatu skim pelaburan terutamanya yang menjanjikan pulangan yang amat lumayan dalam masa yang singkat walaupun melibatkan jumlah pelaburan yang minima.

- SSM juga ingin mengingatkan orang ramai mengenai wang pelaburan tidak akan dilindungi terlibat di dalam skim pelaburan yang tidak sah sekitarannya skim yang disertai tersebut gagal. Oleh demikian, jika ingin mengetahui tentang skim-skim yang sah untuk membuat pelaburan, semaklah dengan SSM dengan melayari laman web; <http://www.ssm.com.my>

Untuk sebarang pertanyaan boleh menghubungi di talian berikut, 03-2299 4400 atau di emel kan ke; [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my)

### **Apakah rancangan masa depan SSM dalam membangunkan sektor skim kepentingan?**

- SSM sedang dalam proses menyiapkan kerangka perundungan yang moden untuk mengawalselia sektor ini memandangkan ianya mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan sebagai alternatif yang boleh digunakan oleh syarikat untuk mengumpul dana bagi membiayai aktiviti perniagaan mereka.
- Kerangka perundungan yang baru ini memberikan parameter, proses dan prosedur yang lebih jelas serta menggariskan hak perlindungan pelabur yang lebih kukuh untuk mengelakkan penipuan dan aktiviti penawaran yang tidak bertanggungjawab oleh pengajur skim kepentingan.

Banyak aktiviti promosi dan publisiti telah dilaksanakan oleh SSM untuk memberi kesedaran kepada orang ramai supaya tidak terjebak dengan skim-skim yang tidak sah disisi undang-undang. Antaranya ialah dengan membuat kempen iklan dalam media massa seperti tv, radio dan surat khabar serta memberi pendedahan melalui taklimat dan pameran diseluruh Negara, dan sebagainya. Akan datang, kami akan mengadakan taklimat berkaitan skim kepentingan di Karnival SSM bersama rakyat di Pagoh, Muar pada 3 Mac 2012. Taklimat akan bermula jam 9.00 pagi -11.00 pagi. Disamping itu terdapat juga pameran akan diadakan. Datanglah beramai-ramai ke Karnival berkenaan untuk mengetahui lebih lanjut tentang skim kepentingan. Dalam program yang sama terdapat juga aktiviti lain seperti sukan rakyat, sukaneka, kuiz dan kaunter BRMC juga dibuka untuk sesiapa yang ingin mendaftarkan perniagaan, memperbaharui lesen dan lain-lain. Aktiviti bermula jam 8.00 pagi hingga 5 petang.

### **Apakah yang SSM lakukan untuk tujuan promosi dan memberi kesedaran?**

- Antara inisiatif yang telah diambil adalah melalui hebahan media massa mengenai kes-kes yang ditangani SSM berhubung skim pelaburan, program bimbangan kepada pihak-pihak yang menjalankan skim kepentingan yang tidak didaftarkan supaya mereka mendaftarkan skim-skim yang dianjurkan, **outreach programme** bersama pihak-pihak berkepentingan yang strategik seperti kerjasama untuk mengadakan sesi ceramah kepada orang awam, dan terkini adalah kempen kesedaran mengenai skim kepentingan melalui iklan-iklan yang ditayangkan di media seperti yang ditayangkan TV3 pada masa ini.

**Sekarang baru saya faham apatu Skim Kepentingan.**



FEB

13 14 15 16  
20 21 22 23 24 25 26  
27 28 29 30 31  
27 28 29 30 31

27 28 29 30 31

# IMBASAN

TAHUN 2011 SSM

## KEMPEN KESEDARAN SSM

“Menyokong Agenda Nasional”

Inisiatif reformasi SSM dalam memulakan perniagaan



**23 Februari 2011** di Menara SSM@Sentral

Pembentangan oleh SSM bertajuk “An Analysis of the 2011 World Bank Ranking On Starting of Business In Malaysia” bertujuan meningkatkan kesedaran pihak-pihak berkepentingan SSM berhubung inisiatif penambahbaikan yang telah dijalankan oleh SSM seperti Satu Hari Pemerbadanan Syarikat dan MyCoID.

**2011  
15 APR**

# **MAJLIS MALAM MESRA SSM**

di Miri, Sempena majlis ulangtahun SSM ke-9

**15 April 2011** di Hotel Marriott, Miri Sarawak



Mendekati pihak-pihak berkepentingan SSM di kawasan Miri.

Hampir 400 tetamu terdiri daripada wakil badan profesional (juruaudit, setiausaha syarikat, peguam dan sebagainya) serta pelanggan-pelanggan SSM dan wakil badan kerajaan Miri menghadiri majlis ini.

## **PROGRAM OUTREACH**

Bersama Masyarakat Felda Mayam, Bera Pahang

**23 April 2011** di Felda Mayam, Bera Pahang

**2011  
23 APR**

Mendekati masyarakat Felda serta memberi penerangan berhubung cara-cara mendaftarkan perniagaan, pemerbadanan syarikat serta skim kutu. SSM turut memberi khidmat pendaftaran perniagaan melalui Kaunter Bergerak SSM.

Hampir 2,000 pengunjung terdiri daripada masyarakat Felda di kawasan sekitar Bera menghadiri program ini.



**2011  
13 JUN**

# SSM **NATIONAL CONFERENCE** 2011

**13-14 Jun 2011** di Menara SSM @ Sentral



Seramai 302 delegasi hadir pada hari tersebut yang terdiri daripada setiausaha syarikat, juru audit, peguam, pengurus, juru akademik dan pemilik perniagaan.

## MAJLIS PERJANJIAN KERJASAMA **SSM - TM - BSN** ( Oleh YB Menteri KPDKKK )

**12 Julai 2011** di Menara SSM @ Sentral

Menyentuh tentang kerjasama dengan TM, ramai yang telah memperbadankan syarikat dan mendaftarkan perniagaan baharu kerana mereka akan ditawarkan produk "Office In A Box" (OIA) bagi membantu urusan mereka pada peringkat permulaan perniagaan.

Menyentuh perjanjian dengan BSN pula, peniaga yang duduk di luar bandar kini lebih mudah untuk memperbaharui sijil pendaftaran perniagaan dengan berkunjung ke BSN berdekatan. Perkara ini sekaligus membolehkan orang ramai yang tinggal jauh di pedalaman meneruskan perniagaan mereka dengan sah. Sejak perkhidmatan ini diperkenalkan BSN pada bulan Julai sehingga kini, sebanyak 1,331 pemilik perniagaan telah menggunakan.

**2011  
12 JUL**



# PROGRAM **OUTREACH**

Bersama Masyarakat Satok, Kuching Sarawak

**16 Julai 2011** di Satok, Kuching Sarawak

**2011**

**16 JUL**



Seramai 3,000 orang telah berkunjung ke program *Outreach* SSM di Satok, Kuching, Sarawak. Program kesedaran seperti taklimat berkaitan skim pelaburan cepat kaya dijalankan berjaya menarik perhatian masyarakat untuk mendengar taklimat tersebut.



**2011**

**17 JUL**


# PROGRAM **JUARA RAKYAT**

Di Kimanis, Sabah

**17 Julai 2011** di Kimanis, Sabah



Seramai 5,000 orang telah berkunjung ke program *Outreach* Kimanis, Sabah. Program kesedaran seperti taklimat berkaitan skim pelaburan cepat kaya yang dijalankan berjaya menarik perhatian masyarakat untuk mendengar taklimat tersebut.



## KALENDAR PERISTIWA



# PERISTIWA BERGAMBAR

BINGKISAN SUKAN KPDKKK 15 OKTOBER 2011





## LAWATAN KPE BAHARU 7 DISEMBER 2011



## SEMINAR BERSIRI TANGGUNGJAWAB KORPORAT SSM 29 NOVEMBER 2011



## MAJLIS PERPISAHAN KSU KPDKKK 19 DISEMBER 2011



## MAJLIS TAMAT TASKA SSM 6 DISEMBER 2011



## LAWATAN DELEGASI VIETNAM 6 DISEMBER 2011



## LAWATAN DELEGASI PAKISTAN 30 NOVEMBER 2011



# PEMENANG PERTANDINGAN FOTOGRAFI SSM

SEMPENA PERTANDINGAN MEMANCING SSM 2011, ANJURAN KELAB SUKAN & REKREASI SSM 19 NOVEMBER 2011

## KATEGORI KOMPAK



## KATEGORI DSLR



# Direktorij

## PERLIS

Tingkat 8, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Legi,  
01000 Kangar Perlis.  
Tel : 04-978 1877 / 977 7899 / 977 3182  
Faks : 04-977 4758

## LANGKAWI

Pusat Perkhidmatan  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia  
No. 4, Aras Mezzanine,  
Kompleks LADA,  
Jalan Persiaran Putra,  
07000 Langkawi, Kedah.  
Tel : 04-966 7943  
Faks : 04-966 5318

## KEDAH

Tingkat 1&2, Wisma PERKESO, No. 186,  
Jalan Teluk Wan Jah, 05538 Alor Setar, Kedah.  
Tel : 04-733 0111  
Faks : 04-731 5517

## PULAU PINANG

Tingkat 6-7, Bangunan KWSP,  
No. 3009, Off Lebuh Penggiri 2,  
Bandar Saberang Jaya,  
13700 Pulau Pinang.  
Tel : 04-397 7793  
Faks : 04-397 7713

## PERAK

Tingkat 2C, Greenpoint Mall,  
Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak.  
Tel : 05-241 6900 / 254 7913 / 253 3071  
Faks : 05-255 7182

Putrajaya  
Kaunter Khidmat Pengguna, Aras G,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi Dan Keperluaan,(KPDNKK)  
No. 13, Persiaran Perdana,  
Presint 2, Putrajaya Persekutuan  
62623 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.  
Tel : 03-8882 6509/6480

## PUTRAJAYA

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (ROS)  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral,  
56623 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-2299 4400  
Faks : 03-2299 4411  
Hotline : 03-2299 5500  
E-mail : enquiry@ssm.com.my

## IBU PEJABAT - KUALA LUMPUR

Menara SSM@Sentral  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral,  
56623 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-2299 4400  
Faks : 03-4043 0832  
Hotline : 03-2299 5500  
E-mail : enquiry@ssm.com.my

## PENANG

Tingkat 6-7, Menara YAYASAN Islam, Jalan Sultan Omar  
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.  
Tel : 09-623 7170 / 623 7127  
Faks : 09-623 0945 / 623 7172

## TERENGGANU

Tingkat 2, 3 & 4, Kota Sri Mutiara, Jalan Sultan Yahya Petra,  
15150 Kola Bharu, Kelantan.  
Tel : 09-748 2860 / 748 4559  
Faks : 09-744 7622 / 747 2607

## PAHANG

Lot 2022-216, Tingkat 2, Block B,  
Kuantan Centre Point,  
Jalan Haji Abdul Rahman,  
25000 Kuantan, Pahang.  
Tel : 09-516 4866 / 516 4800  
Faks : 09-516 1869 / 516 3316

## TEMERLOH

No. 15 & 16, Aras Bawah,  
Jalan Ahmad Shah  
28000 Temerloh,  
Pahang. Darul Makmur.  
Tel : 09-296 4500/5600  
Faks : 09-296 0010

## SELANGOR

Tingkat 3 & 4, Plaza Alam Sentral, Jalan Majlis, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor.  
Tel : 03-5511 6800 / 5513 9570 / 5513 5997 / 5513 3976  
Faks : 03-5510 4200 (Tingkat 3) / 03-5510 6200 (Tingkat 4)

## JOHOR

Podium 4B & 5, Menara Ansar, 65 Jalan Trus,  
80000 Johor Bahru, Johor.

Tel : 07-2244710  
Faks : 07-224 1714 / 224 8169

## MUAR


No. 1, Jalan Perdagangan, Off Bulatan Jalan Bakri,  
84000 Muar, Johor.  
Tel : 06-954 6611 / 954 7711  
Faks : 06-954 6600

## NEGERI SEMBILAN

Aras 3, Wisma Parkeso, Lot 3757 & 52  
Jalan Sungai Ujong, 70000 Seremban, Negeri Sembilan.  
Tel : 06-761 9098 / 761 5506 / 06-764 1885 / 764 5598  
Faks : 06-765 5877

## MELAKA

Aras Bawah Menara MTC,  
Kompleks MTC, Jalan Konvensyen  
75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel : 06-231 1717  
Faks : 06-231 3502



KEKUNCI

IBU PEJABAT

PEJABAT NEGERI

PUTUS PERKHIDMATAN

PEJABAT CAWANGAN



[www.facebook.com/ssmofficialpage](http://www.facebook.com/ssmofficialpage)



[www.youtube.com/ssmofficialpage](http://www.youtube.com/ssmofficialpage)

[www.flickr.com/ssmofficialpage](http://www.flickr.com/ssmofficialpage)



[www.twitter.com/ssmofficialpage](http://www.twitter.com/ssmofficialpage)

## LAGU KORPORAT SSM

# SSM BERSAMAMU

SSM ..... SSM

Berkhidmat untuk semua

SSM ..... SSM

Pemangkin kejayaan Negara

Berkhidmat dengan penuh berinovatif

Kecemerlangan kita untuk Negara

Inilah matlamat kami

Bergandingan tangan

Berjaya dan berwawasan

SSM ..... SSM

Berkhidmat untuk semua

SSM ..... SSM

Pemangkin kejayaan Negara

Berkhidmat dengan penuh berinovatif

Kecemerlangan kita untuk Negara

Inilah matlamat kami

Bergandingan tangan

Berjaya dan berwawasan

Kecekapan Produktiviti

Komitded Berintegriti

Merangsang Kreativiti

Peningkatan Berkualiti

SSM bersama mu

K... PDNKK .... K .... PDNKK

SSM .... SSM .... SSM .... SSM



# Belum habis kopi secawan, syarikat anda selesai didaftarkan!

Pemerbadanan syarikat kini boleh dilakukan secara serentak dengan pelbagai agensi melalui sistem laluan Identiti Korporat Malaysia atau dikenali sebagai MyCoID.

## Serentak dan automatik

Orang ramai melalui setiausaha syarikat boleh berbuat demikian dengan hanya mendaftar masuk ke laman portal MyCoID dan mengisi maklumat berkaitan pemerbadanan syarikat untuk disalurkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp) secara serentak dan automatik.

## Mudah dan menjimatkan

Sistem yang dilancarkan sejak tahun 2010 ini secara langsung akan menjimatkan masa dan kos serta memudahkan prosedur untuk memulakan perniagaan di Malaysia. Mana tidaknya, orang ramai tidak perlu lagi

pergi ke setiap agensi untuk membuat pendaftaran, sebaliknya boleh berbuat demikian secara *one touch point* sahaja dengan satu transaksi dan pembayaran.

## Cekap dan terkini

Kewujudan sistem ini juga bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada pihak pengguna, malah ia turut memberikan impak besar kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam. Ini kerana ia memudahkan interaksi sesama agensi kerajaan dari pelbagai aspek terutamanya pertukaran maklumat, penyaluran input, pengesahan dan pengemaskinian data.

Idea untuk mewujudkan sistem MyCoID adalah salah satu usaha kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat pengguna.



Untuk maklumat lanjut, layari laman web SSM

**www.ssm.com.my**

atau hubungi hotline SSM

**03-2299 5500**





Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi & Kepenggunaan



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Rakyat Didahulukan  
Pencapaian Diutamakan

# HARI Pemerbadanan Syarikat

## Bercirikan:

- Interaksi satu-kaunter
- Penyetempan Memorandum & Artikel di SSM
- Pembelian buku-buku statutori, sijil saham dan meterai syarikat boleh dilakukan di kaunter SSM/laman web SSM
- Pewujudan kaunter advisory pemerbadanan untuk membantu proses pemerbadanan

# JAM Pendaftaran Perniagaan



[www.twitter.com/ssmofficialpage](http://www.twitter.com/ssmofficialpage)



[www.facebook.com/ssmofficialpage](http://www.facebook.com/ssmofficialpage)



[www.youtube.com/ssmofficialpage](http://www.youtube.com/ssmofficialpage)



[www.flickr.com/ssmofficialpage](http://www.flickr.com/ssmofficialpage)